

Terbitan sukuk, bon Cagamas dapat sambutan

Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd (Cagamas) menerbitkan Kertas Komersial dan Nota Jangka Sederhana Islam 3-tahun (IMTN) agregat bernilai RM1.045 bilion.

Cagamas dalam satu kenyataan berkata, penerbitan agregat itu merangkumi Kertas Komersial Islam (ICP) 3-bulan bernilai RM345 juta, Kertas Komersial Konvensional 3-bulan (CCP) berjumlah RM300 juta dan IMTN membabitkan nilai

RM400 juta.

"Hasil daripada penerbitan ini akan digunakan untuk membaiyai pembelian pinjaman dan pembiayaan kediaman daripada sistem kewangan," katanya.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong, berkata kejayaan memuktamadkan terbitan baharu syarikat disokong permintaan menggalakkan daripada pelabur.

Katanya, langkah bidaan itu ju-

ga menarik minat penyertaan daripada rangkaian pelabur yang luas dan pelbagai.

"Kami meraih sokongan ku-kuh seperti dibuktikan dengan sambutan luar biasa nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) sebanyak 2.26 kali yang membolehkan syarikat menentukan hasil IMTN daripada petunjuk har-

ga awal 2.85 hingga 2.78 peratus dan mencatatkan 42 mata asas (bps) lebih besar berbanding Terbitan Pelaburan Kerajaan Mala-

ysia (MGII).

"Terbitan harga ICP dan CCP pada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (LIBOR) 3-bulan di tambah 5-bps atau setara dengan 1.99 peratus berdasarkan harga yang ditetapkan.

"Ia juga lebih besar 19 bps menjangkaui Bil Perbendaharaan Islam Malaysia/Bil Perbendaharaan Malaysia," katanya.

Terbitan terbaru itu menyaksikan penerbitan agregat Caga-

mas tahun ini berjumlah RM4.4 bilion.

Kertas Komersial yang akan ditebus pada nilai norminal penuhnya apabila matang kelak adalah obligasi yang tidak dijamin syarikat, kadar setara atau 'pari passu' dan semua obligasi tidak dijamin syarikat yang sedia ada.

Ia akan disenaraikan dan didagangkan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Scripless, kata Cagamas.